



## **SIARAN MEDIA** **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

### **“PTPTN SEDIA BANTU PEMINJAM”**

1. Negeri Sembilan, 28 September 2017 – PTPTN prihatin dan menyedari bahawa terdapat peminjam PTPTN yang ingin menyelesaikan pinjaman mereka tetapi **khuatir tiada jalan penyelesaian** tambahan pula tunggakan bayaran balik pinjaman mereka sudah terlalu tinggi.
2. **PTPTN sedia membantu peminjam yang mempunyai tunggakan untuk memiliki rumah idaman mereka** sempena **Malaysia Property Expo (MAPEX NS) 2<sup>nd</sup> Half 2017** yang akan diadakan pada **6 hingga 8 Oktober 2017** di **Seremban Prima**. PTPTN mengalu-alukan peminjam tersebut untuk berbincang dengan pegawai **PTPTN di booth PTPTN** yang akan dibuka sepanjang tempoh berkenaan. **Peluang ini perlu dimanfaatkan oleh peminjam bagi mendapatkan maklumat tepat, termasuk penstruktur dan penjadualan semula bayaran balik pinjaman.**
3. PTPTN telah melancarkan Kempen **#BolehBincang** kepada peminjam PTPTN bagi memberitahu peminjam bahawa **PTPTN sentiasa terbuka dan memberikan ruang untuk membantu menyelesaikan masalah bayaran balik pinjaman** mereka. Dengan **#BolehBincang**, peminjam PTPTN boleh berbincang dan berunding dengan PTPTN dengan mudah dan cepat melalui pelbagai saluran perbincangan. **Peminjam boleh membuat proses perundingan dengan pihak PTPTN di dalam menyelesaikan masalah bayaran balik mereka sama ada berkaitan amaun tunggakan mahupun amaun ansuran bulanan.**

4. Semasa perbincangan, peminjam akan ditawarkan **penstrukturan semula pinjaman**. Ia bermakna peminjam dibenarkan membuat **ansuran bayaran balik yang lebih rendah iaitu mengikut kemampuan mereka melalui pemanjangan tempoh bayaran balik**. Walau bagaimanapun, ia adalah tertakluk kepada jumlah ansuran minimum antara 6%-8% daripada pendapatan kasar dan had umur yang ditetapkan.
5. Bagi peminjam yang masih mempunyai pinjaman konvensional, pertukaran kepada pinjaman Ujrah adalah merupakan kaedah penstrukturan semula pinjaman mereka. **Pertukaran Ujrah ini akan memberikan penjimatan kos kepada peminjam sehingga hampir 50%**.
6. Dalam membuat penstrukturan semula pinjaman, peminjam juga tertakluk untuk membuat sedikit bayaran pendahuluan. Bagi peminjam yang membuat bayaran balik mengikut jadual dan ingin membuat pertukaran Ujrah, tiada sebarang bayaran pendahuluan dikenakan. Namun, bagi peminjam yang mempunyai tunggakan atau tidak pernah membuat bayaran balik, mereka perlu membuat bayaran pendahuluan sekurang-kurangnya 50% atau kurang daripada jumlah tunggakan berdasarkan perbincangan sebagai komitmen daripada peminjam.
7. PTPTN juga **menawarkan diskaun bayaran balik** pinjaman PTPTN. Pemberian diskaun kepada peminjam PTPTN meliputi :
  - i) **Diskaun 15%** untuk peminjam yang menyelesaikan keseluruhan hutang;
  - ii) **Diskaun 10%** untuk peminjam yang menyelesaikan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan hutang;
  - iii) **Diskaun 10%** untuk bayaran melalui potongan gaji atau *direct debit* mengikut jadual bayaran balik.
8. Selain itu, PTPTN turut menawarkan **insentif khas geran semasa secara PERCUMA sebanyak RM50** kepada **Pelajar Tahun 1 2017 di sekolah bantuan penuh Kerajaan yang membuka akaun atau membuat penambahan simpanan di dalam SSPN-i/ SSPN-i Plus**. Peruntukan sebanyak RM25juta telah **disediakan** untuk diberikan secara percuma kepada mereka yang layak.

9. Orang ramai yang membuat simpanan di dalam SSPN-i/ SSPN-i Plus juga layak untuk memenangi hadiah lumayan berupa wang tunai sehingga RM100,000 melalui **Cabutan WOW! 20 Tahun PTPTN. Cabutan WOW! 20 Tahun PTPTN** ini merangkumi **Cabutan Bulanan** dan **Cabutan Istimewa**. Ia sebagai **tanda penghargaan dan dorongan serta galakan kepada masyarakat Malaysia yang menyimpan dengan PTPTN yang merupakan Tabung Pendidikan utama negara.**
10. Penglibatan PTPTN sempena **Malaysia Property Expo (MAPEX NS) 2<sup>nd</sup> Half 2017** adalah **langkah proaktif PTPTN berkolaborasi dengan pemaju-pemaju perumahan di Malaysia** untuk **membantu orang ramai, termasuk peminjam** yang mahu membeli rumah, namun berdepan masalah kerana mempunyai tunggakan hutang dengan PTPTN.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

**28 September 2017**